

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.08.2017

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Tan Sri Syed Mokhtar boleh untung RM20 juta dalam penjualan Seaport Terminal (Johor) Sdn Bhd. kepada MMC apabila Pelabuhan Pulau Pinang dijual kepadanya sebanyak RM170 juta, dan juga tanpa memenuhi syarat menjalankan 'capital dredging' sebanyak RM353 juta untuk mendalamkan laut kepada 15 meter dan juga menyerahkan pengurusan feri yang kerugian RM20 juta setahun kepada Syarikat Prasarana Negara Bhd.(Prasarana).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Pulau Pinang telah diswastakan pada tahun 1993 kepada Penang Port Sdn Bhd (PPSB) yang dimiliki 100% oleh Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD).

Pada 21 November 2013, satu Perjanjian Penswastaan Tambahan telah ditandatangani di antara Seaport Terminal (Johore) Sdn Bhd (SPT) dan Kerajaan selepas MKD menjual ekuiti PPSB kepada SPT dengan nilai RM170 juta.

Mengenai keuntungan RM20 juta yang diperolehi oleh YBhg. Tan Sri Syed Mokhtar semasa pembelian Pelabuhan Pulau Pinang, pihak SPT perlu mengambil alih liabiliti PPSB berjumlah RM1.2 billion, membiayai kos *capital dredging* sebanyak RM350 juta dan membuat suntikan modal sekurang-kurangnya RM200 juta dalam tempoh 2 tahun pertama selain bayaran sewa pajakan tahunan sebanyak RM9.41 juta dengan kenaikan 10% setiap 3 tahun bagi konsesi sehingga 31 Disember 2023. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat mengesahkan beliau memperoleh keuntungan RM20 juta mengambil kira kos-kos berkaitan pembelian Pelabuhan Pulau Pinang.

Kerajaan juga sedia maklum bahawa berdasarkan kepada Perjanjian Konsesi Penswastaan, pihak PPSB perlu menjalankan kerja-kerja

pengerukkan di Pelabuhan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sebarang kerja-kerja pengerukkan yang ingin dijalankan perlu dilaksanakan berdasarkan kepada kajian terperinci dan sekiranya terdapat keperluan mendesak ianya perlu dilaksanakan.

Berkenaan dengan penyerahan pengurusan operasi perkhidmatan feri kepada Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana), Kerajaan sedia maklum bahawa operasi feri berkenaan mencatat kerugian berjumlah RM20 juta setiap tahun. Salah satu faktor utama kerugian adalah disebabkan oleh kos operasi feri yang semakin meningkat akibat daripada penyusutan dalam *ridership* penumpang dan kenaikan dalam harga *bunker* serta kos penyelenggaraan feri. Selain itu, sejak pembukaan Jambatan Pulau Pinang pada tahun 1985 dan Jambatan Kedua pada tahun 2014, permintaan perkhidmatan feri telah menurun secara mendadak. Berikutan itu, PPSB terpaksa menggunakan hasil pendapatan operasi perkhidmatan pelabuhan bagi *cross subsidies* kos operasi berkenaan.

Oleh yang demikian, bagi memastikan perkhidmatan feri Pulau Pinang kekal relevan dan diteruskan untuk kepentingan rakyat jelata, maka Kerajaan sedang mengkaji supaya operasi feri diserahkan kepada Prasarana memandangkan syarikat berkenaan mempunyai

pengalaman yang luas dalam sektor pengangkutan awam dan telah berjaya menerajui Rapid Penang dengan baik. Selain itu, kedua-dua terminal feri yang terletak bersebelahan dengan stesen bas Rapid di Georgetown dan Butterworth merupakan satu faktor utama untuk membolehkan Prasarana merancang jadual perjalanan feri dengan menyelaraskan jadual perjalanan bas Rapid Penang. Ini bakal meningkatkan jumlah penumpang feri apabila pengguna boleh merancang perjalanan mereka dari Butterworth ke Georgetown atau sebaliknya.